

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dan penagihan dadah ketika pelaksanaan PKP di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) semestinya menyedari tentang kewujudan modus operandi baharu dalam trend pengedaran dadah sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan mulai dari 18 Mac 2020 hingga 12 Mei 2020 yang lalu.

Rentetan pelaksanaan PKP yang ketat dan hasil risikan serta beberapa siri operasi yang dilaksanakan dalam tempoh PKP berkenaan, didapati penjual dan pembeli dadah telah menyalahguna perkhidmatan Perniagaan Pengantaraan (*e-hailing*) dan Penghantaran Makanan Mudah Alih antaranya GrabFood, FoodPanda, Lalamove serta BungkusIT untuk melakukan transaksi penghantaran dadah disebabkan kekangan PKP yang tidak membenarkan transaksi secara bersemuka berlaku. Selain daripada itu, risikan juga mendapati pengedaran dadah telah dijalankan melalui platform e-dagang seperti Lazada dan Carousell dalam tempoh PKP berkenaan.

Statistik menunjukkan sebanyak **22,329 kertas siasatan** melibatkan pengedaran serta penagihan dadah telah dibuka yang melibatkan **28,073 tangkapan** sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.